

Headline	Pembekal kelapa tua tempatan dakwa terjejas		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	31 May 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	28	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	209 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,565
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,695



## Pembekal kelapa tua tempatan dakwa terjejas

JERANTUT - Lambakan kelapa tua yang dibawa masuk dari Indonesia dan Thailand untuk bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri ini menyebabkan pembekal kelapa tua tempatan terjejas.

Situasi tersebut menyebabkan kelapa tua tempatan tidak mampu dijual kerana bekalan yang diimport masuk lebih murah berbanding pembekal tempatan.

Bagi pembekal kelapa tua dari Kampung Paya Rajin di sini, Husain Samat, 73, mengakui pembekalan buah terbabit merosot pada tahun ini sejak mengusahakan pembekalan kelapa tua bermula lima tahun lalu.

"Setiap tahun pada bulan Ramadan saya mampu jual 500 biji kelapa sehari dengan harga RM2 sebijji."

"Tapi tahun ini, ianya sangat berkurangan.. saya hanya mampu jual hanya 500 biji sepanjang 10 hari Ramadan ini," katanya.

Husain berkata, dia hanya bergantung pada hasil pembekalan kelapa tua dimana



Husain (kanan) dan Nawang antara pembekal kelapa tua tempatan yang mendakwa terjejas pada tahun ini.

akan membeli buah kelapa dari penduduk sekitar Jerantut, Raub dan Jengka dengan harga RM1 sebijji.

"Beli buah dah seringgit sebijji, upah kupas, upah panjang dan minyaklori kena tanggung, kalau kelapa tak laku saya akan rugi," dakwanya lagi.

Difahamkan terdapat seramai 10 orang pengusaha dan pembekal kelapa tua di kampung tersebut turut terjejas kerana buah kelapa tua mereka tidak mampu dijual.

Sementara itu, seorang lagi pengusaha Nawang Hassan, 50, berkata dia berharap pihak kerajaan baharu dapat membantu mereka membantu pembekal kelapa tempatan ini dengan mengutamakan hasil dari dalam negara sendiri.

"Saya harap pihak kerajaan terutama pada jabatan pertanian atau Fama dapat bantu kami untuk memasarkan buah kelapa tua kami supaya kami tidak alami kerugian," katanya lagi.